

## Ucapan Aluan

**Yang Berbahagia  
Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali FASc  
Pengerusi CIDB Malaysia**

**Sempena  
Majlis Pelancaran Malaysian Standard For Civil Engineering  
Standard Method Of Measurement (MSCESMM)**

**Grand Ballroom, The Pacific Sutera Hotel, Kota Kinabalu, Sabah  
8 Januari 2019 (Selasa)**

---

### ***(Salutations to be provided on event day)***

Para tetamu kehormat,

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Selamat pagi dan Salam Sejahtera.

1. Pertama sekali, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Kerja Raya Yang Berhormat Tuan Baru Bian yang telah sudi meluangkan masa dari jadualnya yang sibuk untuk merasmikan **Majlis Pelancaran MS 2701: 2018 Civil Engineering Standard Method of Measurement**, anjuran **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** bersama-sama **Jabatan Standard Malaysia**.
2. Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Ir. Abdul Kadir Mohd Din Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan *Civil Engineering Standard Method of Measurement*, atas kesudian beliau menyampaikan satu pembentangan bertajuk *Towards A Better Standard – 15 years' Journey of Civil Engineering Standard method of Measurement* pada awal majlis ini tadi. Datuk Ir Abdul Kadir ini merupakan salah seorang penyokong kuat penggunaan MYCESSM sebagai standard pengukuran di dalam industri pembinaan. Beliau sendiri, semasa memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Indah Water Konsortium Sdn Bhd, telah menandatangani MoU dengan CIDB bagi menggunakan MyCESSM di dalam projek-projek

pembinaan yang dilaksanakan oleh IWK. Kini, sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Civil Engineering Standard Method of Measurement, beliau turut berganding bahu bersama-sama dengan CIDB di dalam usaha memperluaskan penggunaan MYCESSM di dalam industri pembinaan.

3. Majlis hari ini amat bermakna sekali kerana ia menyaksikan pencapaian salah satu KPI penting di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang telah pun di capai, iaitu menerbitkan **MS 2701: 2018 Civil Engineering Standard Method of Measurement** berdasarkan penggunaan *Malaysian Civil Engineering Standard Method of Measurement* atau MyCESMM.
4. Penerbitan ini merupakan satu usahasama CIDB di bawah Kementerian Kerja Raya bersama Jabatan Standard di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Kejayaan ini membuktikan bahawa satu pencapaian yang bermakna dan memberi impak kepada negara dan industri hanya akan dapat dihasilkan jika agensi-agensi kerajaan, mahupun swasta bersedia bekerjasama dan berkongsi pengetahuan, kepakaran, serta sumber untuk mencapainya.
5. Pada majlis ini, kita juga akan menyaksikan sebuah MoU dimeterai di antara CIDB dan Borneo Highway PDP Sdn Bhd bagi penggunaan MyCESSM. Syarikat ini juga akan turut menandatangani MoU bersama dengan Akademi Binaan Malaysia (ABM) Sabah, iaitu sebuah Pusat Latihan Kemahiran yang ditubuhkan oleh CIDB Malaysia.
6. Di dalam kerjasama dengan ABM pula, syarikat Pan Borneo PDP bersetuju menyertai program perantisan CIDB, di mana para pelatih terpilih yang telah tamat latihan di dalam bidang tertentu, akan di tawarkan tempat sebagai perantis di dalam projek Pan Borneo bagi mendapat pengalaman bekerja di dalam industri. Program perantisan ini sememangnya perlu bagi memberi keyakinan kepada anak-anak muda yang tamat latihan dari ABM Sabah, untuk menceburi bidang kerjaya di dalam industri pembinaan ini. Syabas saya ucapkan kepada Pan Borneo PDP!

7. Para hadirin sekalian, saya berharap dengan menggunakan **MS 2701: 2018 Civil Engineering Standard Method of Measurement**, para penggiat industri akan dapat melaksanakan perolehan bagi projek-projek mereka dengan cekap dan berkesan.
  
8. Sekian, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, izinkan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kerja Raya Yang berhormat Tuan Baru Bian di atas kehadiran beliau.

Sekian, terima kasih.

**#####**